

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN, REKTOR
KUKUM DI MAJLIS SANTAPAN MALAM BERSAMA DYMM PEMANGKU
RAJA PERLIS BERSEMPENA DENGAN MESYUARAT TIMBALAN-
TIMBALAN KOMANDAN PALAPES IPTA BERTEMPAT DI HOTEL PUTRA
PALACE PADA 21 APRIL 2005.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA.

MENGADAP DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, TUANKU CANSELOR
KUKUM DAN DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJjah LAILATUL
SHAHREEN AKASHAH, RAJA PUAN MUDA PERLIS.

AMPUN TUANKU, SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN,

TERLEBIH DAHULU, PATIK BAGI SELURUH WARGA KOLEJ UNIVERSITI
KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) INGIN MERAFAK SEMBAH,
MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA, DI ATAS PERKENAN DULI
TUANKU BERDUA MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS SANTAPAN
MALAM BERSEMPENA DENGAN MESYUARAT TIMBALAN-TIMBALAN
KOMANDAN PALAPES IPTA YANG BUAT JULUNG-JULUNG KALINYA
DIANJURKAN OLEH KUKUM.

TEMPA KAPAK DENGAN BELIUNG,
HENDAK TETAK KAYU BERDURI,
TUAN DI ATAS KEMUNCAK PAYUNG,
KAMI DI BAWAH MENJUNJUNG DULI.

AMPUN TUANKU,

IZINKAN PATIK MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA BARISAN TETAMU YANG HADIR.

YANG AMAT BERHORMAT, DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI BESAR PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA DATIN SERI,

YANG BERHORMAT, TUAN HAJI ABU HASSAN SALLEH, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS MERANGKAP AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI KUKUM,

YANG BERBAHAGIA, BRIG. JENERAL MD. AZMAN ROSLI, ASST. PANGLIMA PASUKAN SIMPANAN,

YANG BERBAHAGIA, LT. KOL. PROF. DATUK DR. HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AMPON, PENGERUSI MESYUARAT TIMBALAN-TIMBALAN KOMANDAN PALAPES IPTA.

YANG BERBAHAGIA, PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK) KUKUM DAN YANG BERBAHAGIA ISTERI,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

KETUA-KETUA JABATAN DAN DEKAN-DEKAN,

WAKIL-WAKIL MEDIA YANG DIHORMATI,

WARGA KERJA KUKUM,

ALHAMDULLILLAH, SAYA PANJATKAN RASA KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBBHANAHU WA TAALA YANG TELAH MEMANJANGKAN USIA, MENGURNIAKAN KESEMPURNAAN AKAL, MENGANUGERAHKAN

KESIHATAN JASAD, MEMBERIKAN KEUPAYAAN HINGGA MEMBOLEHKAN KITA SEMUA BERHIMPUN DAN BERTEMU DI MAJLIS SANTAPAN MALAM BERSAMA DYMM PEMANGKU RAJA PERLIS BERSEMPENA DENGAN MESYUARAT TIMBALAN-TIMBALAN KOMANDAN PALAPES IPTA INI.

SAYA BAGI PIHAK KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA INGIN MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN TIMBALAN-TIMBALAN KOMANDAN PALAPES DARI SELURUH INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM MALAYSIA KE NEGERI PERLIS INDERA KAYANGAN.